

"Saya yakin dengan bengkel seperti ini akan memberi suntikan kepada peserta untuk mengetahui ciri-ciri dan kayu pengukur bagi pensyarah untuk menghasilkan jurnal yang bermutu tinggi untuk disenaraikan oleh penasihat antarabangsa nanti," ujar beliau.

Seiring dengan hasrat untuk mencapai status Universiti Pengurusan Terkemuka dan Universiti Penyelidikan seharusnya pensyarah daripada universiti ini tidak ketinggalan dalam melipatgandakan usaha mereka untuk menghasilkan jurnal sekaligus tersenarai dalam jurnal yang menjadi rujukan semua nanti.

Beliau menambah sekiranya jurnal yang tersenarai ini kelak menjadi rujukan maka penanda aras akan menunjukkan jumlah mereka yang membuat rujukan.

Sementara itu, Pengarah UUM Press Datin Dr. Minah Harun, berkata bengkel yang dianjurkan ini mendapat sambutan yang mengalakkan dalam kalangan ahli akademik dan melalui perbincangan yang diadakan pula menunjukkan mereka tidak sabar untuk disenaraikan hasil jurnal mereka.

"Kesungguhan Naib Canselor untuk melihat univeristi ini tersenarai sebagai 500 terbaik di dunia dan mencapai sebagai Universiti Penyelidikan pastinya akan tercapai dengan komitmen yang ditunjukkan oleh ahli akademik di universiti ini," ujar beliau ketika ditemui.

Katanya, melalui ceramah-ceramah yang diadakan pula, peserta dilihat memahami mengenai konsep atau tulisan yang diperlukan untuk disenaraikan sebagai jurnal berimpak tinggi.

"Kini telah tiba masanya untuk kita bersama-sama universiti untuk bersaing dan bergerak ke hadapan agar jurnal yang dihasilkan dapat disenaraikan serta menjadi rujukan kepada mereka yang memerlukannya," sambungnya lagi.

Habis.

=====

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3013/3661/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my